

'Susah hidup tanpa kad pengenalan'

Empat beradik terpaksa turun naik pejabat berwajib semata-mata untuk dapatkan taraf kerakyatan

BANTING - Empat daripada tujuh adik-beradik yang tinggal di Taman Banting Mewah, Jalan Sungai Nangka memohon pihak berwajib membantu mendapatkan taraf warganegara dan kad pengenalan bagi memudahkan pelbagai urusan.

Seorang buruh, Umar Mohd Yusuf, 40, berkata, ibunya, Sawinah Supian, 63, dan arwah bapanya berasal dari Riau, Indonesia datang ke Malaysia sekitar tahun 70-an atas sebab mencari ahli keluarga yang terpisah dan menetap di Malaysia sehingga ke hari ini.

Bagaimanapun, dia dan tiga adiknya yang berumur 26 hingga 40 tahun masih tidak mempunyai dokumen diri yang sah kecuali surat beranak yang turut didaftarkan lewat walaupun kesemua adik-beradik itu dilahirkan di Malaysia.

"Ibu dah banyak kali tuntutan untuk dapatkan taraf kerakyatan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan pihak JPN minta ibu berurusan dengan imigrasi dulu. Bila ke imigrasi, mereka minta ibu berurusan dengan Kedutaan Indonesia pula tetapi masih tak ada hasil," katanya yang sehingga kini masih mengharapkan dokumen yang sah bagi memberi kemudahan kepada setiap ahli keluarganya.

Umar berkata, adik bongsunya, Juliana Sahiera Mohd Yusuf, 22, yang juga dilahirkan di Malaysia turut berdepan masalah mendapatkan taraf kerakyatan.

Katanya, ketika Juliana hendak mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2011 di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Samad dia terpaksa mendapatkan Borang Perakuan Calon Peperiksaan disebabkan tiada kad pengenalan.



Sawinah (tiga, kiri) memohon agar ada pihak tampil membantu mendapatkan taraf kerakyatan untuk anak-anaknya.

"Lepas terima keputusan pemeriksaan yang agak baik, adik tak layak pula nak lanjutkan pelajaran sebab masalah dokumen tak lengkap.

"Saya risau akan ada masalah bila semua adik-beradik saya yang tak ada kad pengenalan nak berurusan dengan macam-macam agensi termasuk hal anak-anak," katanya ketika ditemui di rumah ibunya semalam.

Umar yang terpaksa bekerja sebagai buruh dengan gaji yang tidak menentu menyifatkan agak sukar mendapatkan pekerjaan kerana tidak mempunyai kad pengenalan.

Katanya, dia melakukan pelbagai kerja termasuk menangkap ikan, bertukang dan berkebun dengan pendapatan RM500 sebulan untuk menyara empat anak perempuannya.

Lebih 20 kali tebaklan muka
Adik Umar, Hasliza, 39, ber-

“Pegawai bagi tahu memang dah tak boleh buat apa-apa, kecuali kena balik Indonesia... kami dah tinggal kat sini sejak lahir buat apa nak ke sana lagi... saudara kat sana pun kami tak kenal.” - Hasliza

kata, dia gembira apabila anak keduanya dipanggil temuduga untuk ke sekolah vokasional tetapi turut berasa bimbang kerana ketiadaan dokumen diri yang lengkap boleh menyebabkan anaknya tidak mendapat peluang belajar di situ.

Dia yang tidak bekerja itu kini bergelar ibu tunggal terpaksa mencari jalan membesarkan dua anaknya dan takut untuk keluar berikutan tiada dokumen pengenalan diri.

"Bukan akak tak buat permohonan, tapi abang dan adik-adik dah lebih 20 kali tebaklan muka pergi ke pelbagai pihak memohon tapi jawapan sama akan diberikan.

"Pegawai bagi tahu memang dah

tak boleh buat apa-apa, kecuali kena balik Indonesia... kami dah tinggal kat sini sejak lahir buat apa nak ke sana lagi...saudara kat sana pun kami tak kenal," katanya.

Bagi adik bongsu Umar, Juliana berkata, dia memang berminat menyambung pelajaran tetapi tidak berpeluang kerana tiada dokumen diri yang sah.

"Bila saya tengok kakak-kakak dan abang-abang saya semua ada masalah sebab tiada kad pengenalan, saya dah risau.

"Macam mana saya nak kahwin nanti, semua perlukan kad pengenalan. Macam mana bakal anak-anak saya nanti yang perlukan maklumat ibu bapa," katanya yang bernasib baik dapat bekerja sebagai pembantu di sebuah taska untuk menambah pendapatan keluarga dengan gaji RM700 sebulan.

Ibu terkilan tak dapat bantu anak

Sementara itu Sawinah berkata, dia sendiri terkilan tidak dapat membantu anak-anak mendapatkan kad pengenalan sehingga pelba-

gai urusan keluarga melibatkan dokumen itu menjadi masalah.

Katanya, sejak kematian suaminya pada 1995 akibat penyakit asma, kesemua anak-anaknya masih terus berurusan dengan pelbagai pihak termasuk wakil rakyat, pemimpin setempat dan sebagainya untuk mendapatkan sokongan.

"Semuanya berjanji nak tolong tapi sampai makcik dah ada 11 cucu pun tak ada apa-apa berita.

"Kalau tak kerana dokumen tu penting, makcik tak lah risau sangat, ni kesian bila tengok anak-anak makcik tak ada dokumen sah dan kerja tetap susah nak dapat. Yang sedih bila anak-anak mereka pun jadi mangsa keadaan," katanya yang berharap ada pihak dapat tampil membantu keluarganya.

Katanya, ibu anak-anak yang mempunyai Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MyKas) turut berasa bimbang apabila terdapat urusan-urusan penting yang gagal dilakukan disebabkan taraf kerakyatan.

"Makcik harap masalah ini dapat diselesaikan bagi membantu kami sekeluarga hidup selesa.

"Ni nak ke mana-mana pun takut sebab tak ada kad pengenalan...apa lagi nak dapatkan kemudahan hospital kerajaan kalau anak bongsu makcik tak sihat," katanya yang terpaksa menyewa rumah RM550 sebulan dengan dibantu oleh anak-anak.

Dalam pada itu, *Sinar Harian* akan mendapatkan maklum balas daripada pihak berwajib berkenaan masalah dihadapi keluarga terbahit dalam masa terdekat.



Umar (kiri) bersama Sawinah berunding mengenai permohonan hak kerakyatan dan kad pengenalan adik-beradiknya.

Juliana terpaksa menggunakan surat beranak dalam apa jua urusan yang melibatkan maklumat pengenalan diri.

